



DIARI JKAP

2017

Jabatan Kejuruteraan Air dan Persekitaran

2017

Diari JKAP

Edisi April – Jun

Bil. 2/2017

fkaas.jkap@uthm.edu.my

Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar

Dari Meja Pengurus



Ketua Jabatan

Assalamualaikumwarahmatullahiwabarakatuh dan Salam Sejahtera.
Salam 2017.

Alhamdulillah, terlebih dahulu saya ucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurnia Nya kita telah melepas pertengahan tahun 2017 dengan jayanya. Tahniah saya ucapkan kepada semua warga akademik dan bukan akademik JKAP yang berjaya mencapai sasaran kerja yang telah ditetapkan dan memperolehi kejayaan di dalam aktiviti yang dijalankan. Tahniah juga diucapkan kepada editor dan penyumbang rencana bagi merealisasikan penerbitan Diari JKAP untuk bulan April hingga Jun ini.

Bersyukur juga kerana saya diberikan kesempatan untuk mencoretkan kata-kata aluan di dalam Diari JKAP yang buat kali kedua diterbitkan pada tahun 2017 ini.

Penerbitan diari ini bertujuan menjadikannya sebagai medium untuk melaporkan segala aktiviti-aktiviti yang telah dianjurkan, kejayaan yang telah dicapai oleh staf akademik dan bukan akademik di jabatan ini, sebagai saluran bagi memperkenalkan JKAP ke peringkat nasional dan antarabangsa serta kenangan manis bersama jabatan. Selain itu, diari ini juga mampu member kesempatan kepada ahli-ahli jabatan untuk membuat rujukan berkaitan sasaran kerja tahunan (SKT) masing-masing. Dengan usaha dan komitmen yang tinggi yang telah ditunjukkan, saya yakin warga JKAP akan terus maju dan mampu mencapai sasaran kerja yang telah ditetapkan oleh fakulti selain menambah sasaran kerja yang telah dicapai.

Akhir kata, saya menyeru kepada semua sahabat-sahabat saya di JKAP supaya kita dapat bersama-sama melaksanakan dan menjayakan tugas yang telah diamanahkan dengan penuh rasa tanggungjawab dan ikhlas. Diharapkan segala usaha yang telah kita curahkan mampu menyumbang sesuatu kepada diri sendiri, keluarga, bangsa, agama dan Negara.

Wassalam.

PM Dr Mohd Adib Mohamad Razi

Ketua Jabatan Kejuruteraan Air dan Persekitaran

Dari Meja Editor

Welcome to JKAP Diary April – Jun 2017 Edition

“The error of youth is to believe that intelligence is a substitute for experience, while the error of age is to believe experience is a substitute for intelligence.” – Ernest Hemingway

First of all, I would like to share this quote with all readers. I wish everyone will have a very happy, peaceful and prosperous life in our engineering life.



We as an academician and non-academician, who someday might become the backbone of the nation, shall uphold our professional will to build and create a better future for the next generation without compromise the sustainability of the environmental and the quality of life.

We should face our own problem and challenge to achieve our goal. For example, in order to keep our Department of Water and Environmental Engineering successfully, our members have relentlessly contributed lot of time, energy and resource to ensure the successful of every single event and activity especially for the publishing of this diary.

Therefore, I would like to take this chance to appraise and appreciate all the JKAP members that have contributed during the commencement of this diary.

To all readers, we hope this diary will provide information of what JKAP do and also become one of the channels to encourage others.

Please enjoy your reading till the end. Thank you.

Warmest Regards,

Dr Mohd Ariff Ahmad Nazri

Sidang Redaksi

Penaung

PM Dr Abd Halid Abdullah

Pengerusi

PM Dr Mohd Adib Mohamad Razi

Ketua Editor

Dr Sabariah Musa

Editor Kanan

Dr Mohd Ariff Ahmad Nazri

Alamat surat menyurat

Jabatan Kejuruteraan Air dan Persekitaran
Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
Parit Raja 86400 Batu Pahat
Johor, MALAYSIA

Emel

fkaas.jkap@uthm.edu.my

Kata Hikmah

“Dan berbuatlah kamu akan kebaikan supaya kamu mendapat kemenangan.”

(Surah al-Hajj:77)

Research Network Visit

Penulis: Dr Mohd Ariff Ahmad Nazri

21 April 2017 - Most of the successful development of a research center is based on efforts, benchmarks and examples of success met by other research centers. Based on this theory, Department of Water and Environmental (JKAP) on its own initiative comprising young lecturers had visited River Engineering and Urban Drainage Research Centre (REDAC) at Universiti Sains Malaysia, Engineering Campus.

REDAC was once a small research center with a relatively small capacity and facilities, nowadays the progress and achievement is at a boasting stage. Professionally led by Prof. Dr Azazi Zakaria as REDAC Managing Director, he is very pleased to receive a visit from JKAP members. The main objective of this visit is to gain knowledge on the best efforts and ways to further develop a research center under the JKAP, namely the Micro-Pollutant Research Centre (MPRC). This is because, formerly REDAC was at a level like the MPRC today.




In addition, the scope of the visit is further expanded with collaborative research proposals, journal publications, article writings and scrutiny of available opportunities if any of the academic staff who wish to continue their studies at REDAC. The REDAC has been equipped with large scale laboratory equipment. It is hoped that this visit will provide a positive output to JKAP and faculty in general. Staff: Dr Mohd Ariff Ahmad Nazri, Dr Mohd Azlan Mohd Yusoff, Dr Mohd Shalahuddin Adnan and Baharudin Ridzuan.

Khidmat Masyarakat

Penulis: Dr Nur Shaylinda Md Zin

3 April 2017- Sempena kempen kesedaran kanser, sebuah program *Breast Screening Test* telah dianjurkan oleh CESWEC dan Mobecomm Sdn. Bhd. yang diselia oleh Dr Nur Shaylinda Md Zin (JKAP) bertempat di Bilik Seminar aras 8, FKAAS. Program ini terbuka kepada staf UTHM dan juga penduduk setempat. Keistimewaan program ini adalah kaedah yang digunakan secara non-invasive, cepat dan tepat, tiada had umur, selamat untuk wanita mengandung, tiada penggunaan radiasi dan tidak menyakitkan.

Seramai kira-kira 50 orang peserta telah menjalani ujian ini. Di samping itu, satu sesi ceramah kesedaran kanser dan perkongsian ilmu telah disampaikan oleh Encik Redza dari Felda Wellness Coorperation. Diharap program ini dapat memberikan kesedaran kepada peserta peri pentingnya menjaga kesihatan dan inisiatif membuat saringan awal agar tindakan awal dapat dibuat.



Khidmat Masyarakat

Penulis: Dr Sabariah Musa & MPRC

11 April 2017- MPRC dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Johor Selatan telah menganjurkan program khidmat masyarakat melalui aktiviti penanaman dan pembenihan bakau di Hutan Simpan Sungai Pulai. Seramai 54 pelajar dan staf yang diketuai oleh PM Dr Radin Maya Saphira Radin Mohamed telah berjaya mengaut pengalaman menanam benih bakau sebanyak 1000 pokok dalam program pertama ini.



**Let's CLEAN go GREEN
COMMUNITY SERVICE PROGRAMME**

Date : 11 April 2017
Departure time : 7.00 am
Activity time : 9.00 am to 1.00 pm
Location : Gelang Patah River
Transport and meals are provided

1st Program Activities
Cleaning the Gelang Patah River and Mangrove planting

Please join us and save our nature
Please contact:
Dr Radin Maya Saphira Radin Mohamed
maya@uthm.edu.my

Program collaboration:
MPRC (Microconsultant Research Centre) - Faculty of Civil and Environmental Engineering
Pejabat Hubungan Universiti dan Industri - UTHM for Nobosh 4 Programme
Pejabat Hutan Negeri Johor

UTHM **Technically Above The Rest**

18 April 2017 - Program kedua pula beralih ke Sungai Gelang Patah. Walaupun keadaan hujan lebat, namun pasukan ini berjaya membersihkan sungai dan membenihkan kawasan hampir 3000 pokok bakau. Dengan aktiviti ini, kawasan ini dapat melindungi dari hakisan tanah di samping dapat memelihara perbagai jenis hidupan laut dan pantai yang lain.



Kapsul MPRC

Penulis: Dr Sabariah Musa & MPRC

Aktiviti MPRC dan JKAP telah meneruskan lagi aktiviti ilmiah setiap 2 minggu sekali dan berjalan lancar melalui seminar perkongsian ilmu dan kepakaran kepada staf dan pelajar-pelajar pasca-siswazah UTHM.

6 April 2017 – KSS 5/2017, perkongsian ilmu yang disampaikan oleh Ketua Jabatan JKAP, PM Dr Mohd Adib Mohamad Razi dengan tajuk *Flood Damage Mitigation* di Bilik Taklimat FKAAS jam 2.00 – 3.00 petang.



UTHM

TECHNICAL TALK SERIES 2/2017

Awareness on Non Revenue Water

Khairul Effendy Tusam
Chief Executive Officer
Ranhill Water Services

ALL ARE INVITED

20 April 2017
• 9.00 am to 11.00 am •
Dewan Jemaah
Pembentangan Tujuan Tun Anwar

Collaboration

Micropollutant Research Centre Faculty of Civil and Environmental Engineering Universiti Tun Hussein Onn Malaysia & Ranhill Water Services Sdn. Bhd.

Ranhill Water Services

20 April 2017 – TTS 2/2017, satu seminar ringkas dan hebat telah dikongsi kepakaran dari bidang industri dengan tajuk *Awareness on Non Revenue Water* yang berlangsung di Dewan Jemaah, UTHM jam 9.00 – 11.00 pagi. Seminar ini disampaikan oleh En Khairul Effendy Tusam (Chief Executive Officer), Ranhill Water Services.

1 June 2017 – KSS 7/2017, perkongsian ilmu oleh Ketua Pusat MPRC, PM Dr Radin Maya Saphira Radin Mohamed bertajuk *My Current Research* di Bilik Taklimat FKAAS jam 2.00 – 3.00 petang telah berjalan dengan lancar.

Knowledge Sharing Session 5/2017

Assoc. Prof. Dr. Mohd Adib Mohamad Razi

6 April 2017 (Thursday) 2.00 pm - 3.00 pm

Bilik Taklimat Level 1 FKAAS

FLOOD DAMAGE MITIGATION

All are invited Attendance will be recorded in the system

MPRC
Organized by Faculty of Civil and Environmental Engineering Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Knowledge Sharing Session 7/2017

Assoc. Prof. Dr. Radin Maya Radin Mohamed

1 June 2017 (Thursday) 2.00 pm - 3.00 pm

Bilik Taklimat Level 1 FKAAS

My Current Research

GREYWATER

All are invited Attendance will be recorded in the system

MPRC
Organized by Faculty of Civil and Environmental Engineering Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



Kursus Pendek

Penulis : Dr Sabariah Musa & MPRC

12 April 2017 - Kursus pendek *Make your Research Presentable using Ms Excel* yang dianjurkan oleh MPRC telah dikendalikan oleh Dr Nor Amani Filzah Mohd Kamil (JKAP) dan jawatankuasa lain telah mendapat sambutan hangat dan diteruskan dengan siri ke 2 dan disampaikan oleh pelajar PhD (Pn. Junita Abd Rahman). Perkongsian ilmu dan kemahiran ini difokuskan kepada pelajar-pelajar UTHM bagi memantapkan lagi penyelidikan mereka.



9 Mei 2017 – Kursus pendek *Intermediate Level for AutoCAD Training (Environmental Engineering)* telah dikongsi oleh pelajar PhD (Engr Sajjad Ali Mangi) dengan kemahirannya.

13 Mei 2017 – Kursus pendek *Soap, lotion and shampoo making* dikendalikan oleh *Bioprofe-Bioprocess and Food Engineering* dengan kerjasama MPRC telah berjaya mengaut pengalaman seramai 25 peserta yang terdiri daripada pelajar dan staf membuat sabun dan bahan kosmetik lain dengan lebih selamat.

Make Your Research Presentable using Ms Excel series 2/2017

UTHM

Online Registration
http://bit.ly/register_excel

Save the Date
12 April 2017 | 9.00 am-1.00pm | Bilik Taklimat, Geology Laboratory



Junita Abd Rahman

#Hands-on and bring your laptop
#Topics covered:
-Using formula
-Data analysis and graph
-Statistical analysis ANCOVA and correlation

For more information:
Dr Nor Amani Filzah Mohd Kamil
074564232
mprcuthm@gmail.com

Organized by:
Micropollutant Research Centre (MPRC)
Faculty of Civil and Environmental Engineering
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
mprcuthm@gmail.com

Let's Join us

Intermediate Level for AutoCAD Training

Environmental Engineering



9.00 am-1.00pm
Bilik Tutorial 3, Level 1, FKAAS

2017
9 May





Engr. Sajjad Ali Mangi

#Hands-on and bring your laptop
#Topics covered:
-Introduction of AutoCAD 2D & 3D
-Scale setting
-Introduction of tools bars used in AutoCAD
-How to prepare engineering process flow diagrams
-Waste water treatment process flow diagram
-How to draw a irregular shapes on AutoCAD
-How to calculate accurate area for irregular boundaries

http://bit.ly/register_autocad

RM 25/person

For more information:
Dr Nor Amani Filzah Mohd Kamil
074564232
mprcuthm@gmail.com

Organized by:
Micropollutant Research Centre (MPRC)
Faculty of Civil and Environmental Engineering
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
mprcuthm@gmail.com



Lawatan Panel Penilai Teknikal

Penulis: Dr Sabariah Musa

22 Mei 2017 – Satu Mesyuarat Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia dengan UTHM (JKAP khususnya) telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Eksekutif, Pejabat Naib Censelor UTHM. Kerjasama bidang kepakaran yang berpotensi termasuklah keseimbangan air, penuaan air hujan, penjelajahan air bumi, *water accounting*, *water transfer*, *low head signage*, *desalination*, kitarsemula air, simpanan air permukaan, *spatial analysis* dan permodelan.



29 Mei 2017 – Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar telah menjalankan penilaian Projek Sarjana Muda (PSM) dengan penglibatan pihak industri (Teknikal). Pelajar JKAP bersama panel penilai dalaman juga terlibat di dalam penilaian semasa seminar PSM berlangsung. Panel jemputan terdiri daripada Pn. Juliana Abdullah (JPS Segamat), En. Mohamad Ikhwan bin Juhari Kolej Kemahiran Tinggi MARA, Sri Gading) dan En. Ismail Siden (Brite Malindo (M) Sdn.Bhd. Melaka.



Pengajaran dan Pembelajaran

Penulis: Dr Sabariah Musa

16-22 April 2017 – Minggu FOC juga telah berlangsung buat kali pertama di UTHM pada minggu ke 9 (FKAAS). Makluman mengenai pelaksanaan FOC juga diwar-warkan melalui media UTHM dan FKAAS. Beberapa subjek JKAP juga melaksanakan FOC iaitu:

1. Hidraulik – Dr Hartini Kasmin, Dr Siti Nazahiyah Rahmat, Dr Mohd Shalahuddin dan Adnan, Noor Aliza Ahmad dan Zarina Md Ali
2. Hidrologi – Dr Sabariah Musa, Zarina Md Ali, Prof. Ir. Dr. Amir Hashim Mohd Kassim, Noraini Mohd Arish @ Arshad dan Zulkifli Ahmad
3. Matematik Kejuruteraan Awam II – Dr Nor Amani Filzah Mohd Kamil, Dr Mohd Ariff Ahmad Nazri
4. Pengurusan Sisa Pepejal dan Sisa Bahaya – Roslinda Seswoya



Full Online Classroom

FOC WEEK

#1 #16-22 APRIL 2017 #2 SEM 2 – 2016/2017

#3 SUBJECT? #4 WEEK 9

For those who have implemented e-learning FOC at week 9, please let me know the following information:
 1. Lecturer Name :
 2. Subject / code / section :
 3. Link FOC:

Please inform immediately to sabariah@uthm.edu.my for record and certificate

Blended Learning Committee

Tahniah & Terima Kasih

TAHNIAH KENAIKAN GRED:

- PM Dr Radin Maya Saphira Radin Mohamed

TAHNIAH ATAS PERKHIDMATAN CEMERLANG :

- Dr Hartini Kasmin
- Azra Munirah Mat Daud
- Noor Alliza Ahmad



TAHNIAH PENERBITAN:

- Dr Hartini Kasmin – Top 10 (81) April 2017 (Journal of Hydrology (2012)- The hydrological performance of a green roof test bed under UK climatic conditions. Volume 414-415)
- MPRC (Integrated Water Resources Protection – Book Chapter, Volume 1, May 2017)

STAF LAPORDIRI:

- En. Wan Afnizan Wan Mohamad – Tamat cuti belajar
- Pn. Nur Aini Arish @ Arshad – FKAAS ke FTK



Raihan Bersama

April - Jun 2017



Salam Aidilfitri 2017

